



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[LEGAL ISSUES IN FOOD SECURITIES ANALYSIS
FROM THE PERSPECTIVE OF TASAWUR ISLAM]**

**ISU PERUNDANGAN DALAM SEKURITI MAKANAN ANALISIS
DARI PERSPEKTIF TASAWUR ISLAM**

NURUL SHUHADA ISMAIL¹

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang, Malaysia.

*Corresponding author: inurulshuhada@gmail.com

Received Date: 9 April 2018 • Accepted Date: 9 Sept 2018

Abstract

The explosion of technology allows more manufacture food and variety in the market. However, the massive quantity of food is not essential measure of economic progress because the quality of food is more important when producing food. In realizing food quality along with food quantities, various legal issues related to food security have been arisen. Thus, this paper will be examine the legal issues related to food security from the Islamic perspective worldview. Using a study of documents released by the Food and Agriculture Organization (FAO) and content analysis, there are several legislative issues that have been found regarding food security. Such issues include aspects of food production, exploitation of natural resources, trade, and rights to the food. The apparent impact of these issues has undermined food security and food access, thus prompting food security in various parts of the world. Through an analysis of Islamic worldview, this paper presents the preservation of habluminallah and habluminannas relationships as a basis for addressing the issues discussed.

Keywords: *Food security, legislative issue, Islamic worldview.*

Abstrak

Ledakan teknologi membolehkan bahan makanan dihasilkan dengan lebih banyak dan pelbagai di pasaran. Namun demikian, kuantiti makanan yang banyak bukan ukuran kemajuan ekonomi yang hakiki kerana kualiti makanan lebih utama untuk diambil kira dalam menghasilkan makanan. Dalam merealisasikan kualiti seiring dengan kuantiti makanan, pelbagai isu perundangan berkaitan sekuriti makanan telah timbul. Menyedari perkara berkenaan, makalah ini akan meneliti isu perundangan yang berkaitan sekuriti makanan daripada perspektif tasawur Islam. Dengan menggunakan kajian ke atas dokumen yang dikeluarkan oleh Organisasi Makanan dan Pertanian (Food and Agriculture Organization) (FAO) dan analisis kandungan, terdapat beberapa isu perundangan berkaitan sekuriti makanan yang ditemui. Isu tersebut merangkumi aspek pengeluaran makanan, eksploitasi sumber alam, perdagangan, serta hak terhadap makanan. Kesan ketara isu-isu tersebut telah menjejaskan jaminan keselamatan makanan dan akses

makanan sekali gus menggugah sekuriti makanan di pelbagai bahagian dunia. Melalui analisis daripada tasawur Islam, makalah ini mengemukakan pemeliharaan hubungan *habluminallah* dan *habluminannas* sebagai asas mengatasi isu-isu yang dibincangkan.

Kata kunci: Sekuriti makanan; isu perundangan; tasawur Islam

Cite as: Nurul Shuhada Ismail. 2018. Isu Perundangan dalam Sekuriti Makanan Analisis dari Perspektif Tasawur Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 19(1): 120-130

PENGENALAN

Penduduk dunia pada tahun 2016 telah mencapai angka 7.4 bilion orang dan angka ini dijangka meningkat kepada 9 bilion orang menjelang tahun 2050 (Population Reference Bureau, 2016). Angka ini memberi petanda bahawa permintaan makanan dunia juga bakal meningkat. Malahan fenomena ini juga memberi isyarat untuk menguruskan sumber alam dengan sebaiknya (Pimentel, Huang, Cordova & Pimentel, 1997) kerana penghasilan makanan melibatkan penggunaan sumber alam. Hal ini sebagaimana laporan Population Reference Bureau (2016) mengetengahi tema konflik yang timbul dalam menyediakan keperluan penduduk dan pengurusan sumber alam yang lestari. Bagi memenuhi permintaan makanan sekali gus keperluan penduduk, kerancangan teknologi seperti bioteknologi dan nano teknologi dalam proses pengeluaran, pemprosesan dan penghasilan makanan semakin giat dilakukan. Menurut Kasturi (2009), teknologi dapat merangsang keupayaan pengeluaran hasil pertanian, meningkatkan sekuriti makanan, menaikkan taraf hidup masyarakat luar bandar, dan memberikan kualiti makanan yang semakin baik.

Walaupun perkembangan teknologi memberikan kesan positif. Namun kepesatan dan keterlibatan teknologi juga mencetuskan impak negatif. Malah, impak negatif ini berlaku sehingga mencetuskan isu perundangan. Bagi memastikan penelitian dilakukan secara berfokus, makalah ini meneliti isu perundangan yang berkaitan dengan sekuriti makanan. Sekuriti makanan yang digunakan dalam perbincangan ini merujuk kepada empat elemen iaitu ketersediaan, akses, kestabilan bekalan makanan dan penggunaan dengan berlandaskan prinsip hak manusia (FAO, 2011). Menurut World Health Organization (WHO) (1996), sekuriti makanan terjadi apabila semua penduduk pada setiap masa mendapat akses kepada makanan yang cukup, selamat dan bernutrisi untuk kekal hidup sihat dan aktif (FAO, 2006).

Makalah ini pada bahagian pertama akan mengenal pasti isu perundangan berkaitan sekuriti makanan. Kemudian, isu perundangan yang dikeluarkan oleh Organisasi Makanan dan Pertanian (Food and Agriculture Organization) (FAO) ini akan dianalisis dari perspektif tasawur Islam pada bahagian ketiga. Bahagian terakhir iaitu penutup akan merumuskan segala perbincangan dalam makalah ini.

ISU PERUNDANGAN OLEH ORGANISASI MAKANAN DAN PERTANIAN FAO BERKAITAN SEKURITI MAKANAN

Penguatkuasaan undang-undang berkaitan sekuriti makanan sangat penting kerana undang-undang ini bertindak untuk mengawal isu seperti alam sekitar, kenaikan harga, perdagangan

dan paling utama ialah hak asasi manusia. Undang-undang ini juga merupakan perlindungan sosial kepada manusia kerana melalui undang-undang terhasilnya polisi negara yang menjamin sekuriti makanan kepada semua (Aigarinova & Shulanbekova, 2013). Penelitian khusus terhadap undang-undang yang dikeluarkan oleh Organisasi Makanan dan Pertanian (Food and Agriculture Organization) (FAO) makalah ini telah menemui empat isu perundangan yang melibatkan hak manusia untuk mendapatkan makanan¹, pengeluaran makanan, eksploitasi sumber alam dan perdagangan.

Dalam isu perundangan yang dikemukakan FAO, penekanan diberikan kepada hak manusia untuk mendapatkan makanan. Keadaan ini berlaku kerana masih ramai penduduk dunia yang tidak memperoleh makanan mengikut keperluan diet yang sepatutnya. Menurut United Nations (2016), lebih 790 juta orang penduduk dunia menghadapi masalah ini. Berikutan fenomena ini terzahirnya Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals) yang menyasarkan menamatkan situasi kelaparan, mencapai sekuriti makanan, meningkatkan nutrisi dan menggalakkan pertanian lestari. Antara perbincangan awal tentang hak manusia mendapatkan makanan telah dikemukakan dalam International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (ICESCR) dalam artikel 11 pada tahun 1966 yang menyatakan hak manusia untuk mendapatkan makanan yang cukup, kebebasan daripada kelaparan dan peningkatan hidup secara berterusan (FAO Legal Office, 2008). Artikel 11 ini menunjukkan negara-negara yang mengalami kadar kelaparan dan krisis makanan² mula menguatkuasakan undang-undang hak mendapatkan makanan seperti Ethiopia, Malawi, Uganda, Afrika Selatan, Congo, Nigeria dan sebagainya (FAO Legal Office, 2008).

Isu perundangan berkaitan hak manusia untuk mendapatkan makanan yang dikemukakan oleh FAO ini meliputi pelaksanaan strategik seperti sokongan dan latihan, perundangan dan akauntabiliti, maklumat dan penilaian, pemantauan dan pengukuran, serta strategi dan kerjasama (FAO, 2011a). Melalui pelaksanaan strategik ini, FAO mula bertindak memberi bantuan meningkatkan hak manusia terhadap makanan kepada penduduk di negara-negara sedang membangun dan negara mundur. Hasilnya negara seperti Nepal, India, Barbados dan negara-negara Timur Caribbean mula menguatkuasakan undang-undang dalam memberikan hak mendapatkan makanan.

Isu perundangan kedua yang dikemukakan oleh FAO ialah berhubung pengeluaran bahan makanan. Isu ini berkait rapat dengan sumber alam dan alam sekitar. Bagi memenuhi peningkatan permintaan makanan di pasaran, sumber alam mestilah dibangunkan. Dengan gambaran jangkaan penduduk dunia mencecah 9 bilion orang pada tahun 2050 keperluan pengeluaran makanan bakal meningkat sehingga 70 peratus lebih banyak berbanding tahun keperluan semasa terutama di negara-negara sedang membangun (FAO, 2011b). Untuk memenuhi pengeluaran makanan tersebut, sumber alam seperti tanah semakin banyak diperlukan. Menurut FAO (2011b), keperluan tanah untuk pertanian menjelang tahun 2050 tahun akan mencecah sekitar 70 juta hektar sehingga 110 juta hektar di negara sedang membangun. Tekanan terhadap tanah semakin meningkat disebabkan pertambahan penduduk, kawasan diperuntukkan untuk pertanian (cropland) semakin meluas kerana kesan peningkatan dalam permintaan makanan (Wang, et.al, 2016 & Kasturi, 2009).

Di negara-negara sedang membangun sektor pertanian merupakan sumber pendapatan dan ekonomi yang utama. Keterhadan tanah dan konflik melibatkan tanah sering kali menimpa petani-petani yang berskala kecil di negara-negara sedang membangun. Kesannya sekuriti

makanan terjejas lebih ketara kepada petani berskala kecil dan penduduk asli (USAID, 2013). Nepal antara negara yang berdepan dengan permasalahan ini. Keadaan yang sangat ketara berlaku di sebahagian kawasan di pergunungan dan barat Nepal. Isu yang berlaku khusus melibatkan kapasiti penghasilan makanan yang rendah, produktiviti pertanian yang sedikit, kehilangan makanan yang besar, pengurusan sumber alam yang rendah, pengagihan makanan yang kurang efisien, kemiskinan yang tinggi dan sebagainya (FAO,2014). Oleh sebab itu, menurut FAO (2014) Nepal memastikan penduduknya mendapat akses kepada sumber seperti tanah, air, hutan melalui peruntukan undang-undang negara.

Selain itu, isu perundangan yang turut mendapat perhatian FAO ialah eksploitasi sumber alam. Menurut McDonald (2010) perubahan corak kekayaan akan mengubah corak pengeluaran makanan dan penggunaan makanan sehingga menjejaskan alam sekitar. Penggunaan makanan melebihi keperluan makanan boleh membawa kepada pembaziran sumber alam. Impak pembaziran makanan ini berlaku terhadap sumber alam seperti tanah, air, tenaga dan lebih besar lagi meningkatkan pengeluaran gas karbon dioksida ke udara (FAO, 2011c).

Menurut FAO (2013), kesan makanan kepada sumber alam berlaku semasa fasa penghasilan makanan. Keadaan ini berlaku di negara yang mempunyai kedudukan Indeks Pembangunan Manusia yang rendah. Negara-negara ini lebih cenderung mengalami masalah ketirisan yang mengakibatkan kehilangan makanan semasa proses pengeluaran iaitu proses perladangan, penjagaan dan penyimpanan iaitu 40 peratus daripada ketersediaan makanan (Global Opportunity Network, 2016). Hal ini juga berlaku kepada tuaian hasil pertanian kesan kekurangan tempat penyimpanan makanan dan kekangan pengangkutan (Royte, 2016). Kejadian sebegini menunjukkan penduduk di negara sedang membangun menghadapi situasi ketidakstabilan sekuriti makanan akibat masalah ketersediaan makanan yang merupakan asas dalam sekuriti makanan masih sukar yang untuk mereka peroleh.

Masalah dalam sekuriti makanan ditambah buruk dengan berlakunya pembaziran makanan. Laporan Global Opportunity Network (2016) juga mendedahkan pembaziran makanan bukan sahaja berlaku semasa proses pengeluaran tetap juga dalam konteks penggunaan makanan. Hal ini dapat dilihat menerusi indikator pengambilan makanan. Pembaziran makanan lebih banyak berlaku melalui penggunaan di rumah yang mampu mencecah 150 kilogram dan ke atas bagi setiap isi rumah setahun (FAO, 2017a). Secara umumnya, pembaziran makanan berkait rapat dengan sisa makanan³ dan kerugian⁴ makanan yang tidak digunakan secara optimum oleh manusia sehingga boleh menjejaskan sumber alam.

Selain isu-isu perundangan yang dikemukakan sebelum ini, FAO juga menekankan isu perdagangan bagi memastikan sekuriti makanan terus terjamin. Perdagangan merupakan pemangkin kepada perkembangan sistem makanan dan pengagihan makanan yang lebih efisien (Orford, 2015). Kesan globalisasi menyebabkan perdagangan semakin terbuka dan rancak. Liberalisasi perdagangan yang memberi kebebasan kepada negara untuk mengurus niaga membuka ruang kepada perkembangan industri makanan. Dalam isu perundangan berkaitan perdagangan dalam sekuriti makanan melibatkan sekurang-kurangnya dua isu. Pertamanya, tekanan yang dihadapi golongan petani berskala kecil terhadap dalam liberalisasi perdagangan ini dan keduanya eksploitasi sumber alam yang berleluasa oleh kuasa besar untuk penghasilan makanan di negara sedang membangun. Persaingan harga menyebabkan tekanan kepada petani berskala kecil kerana hasil pertanian dan makanan daripada negara maju seperti Amerika

Syarikat dan Australia yang melaksanakan pertanian berskala besar mengenakan harga yang murah (Madeley, t.t). Hal ini menjadikan harga makanan import jauh lebih murah berbanding harga makanan tempatan. Isu yang kedua, eksploitasi sumber alam semakin berleluasa kerana mengejar keuntungan. Di Filipina contohnya penggunaan bahan agrokimia dalam pengeluaran pertanian eksport telah menyebabkan penurunan kualiti tanah dan kehilangan biodiversiti (Madeley, t.t.). Begitu juga berlaku di Cambodia semakin banyak petani yang kehilangan tanah kesan pasaran bebas kerana kebanyakan mereka menjual tanah sehingga mewujudkan kuasa monopoli tanah (Madeley, t.t.).

Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan perdagangan meningkatkan pertumbuhan ekonomi khususnya negara sedang membangun melalui kewujudan peluang pelaburan. Namun pada masa yang sama berlakunya peningkatan pergantungan terhadap makanan import (FAO, 2014). Sagener (2016), menyatakan pergantungan makanan import berlaku kerana negara sedang membangun tidak dapat menghasilkan makanan tertentu yang mencukupi untuk keperluan penduduk terutamanya makanan ruji seperti gandum, jagung dan beras. Untuk memenuhi keperluan penduduk, negara sedang membangun perlu bergantung pada negara pengimport yang besar umpamanya Thailand, dan Amerika Syarikat. Justeru, negara sedang membangun tidak dapat mengelak daripada liberalisasi perdagangan demi memenuhi keperluan makanan penduduk.

ANALISIS ISU PERUNDANGAN BERKAITAN SEKURITI MAKANAN DARI PERSPEKTIF TASAWUR ISLAM

Menurut Abdullah, Rahman dan Hanapi (2011) tasawur Islam mempunyai asas iaitu Allah SWT sebagai Pencipta, manusia sebagai makhluk dan alam semesta sebagai makhluk. Tasawur Islam juga merupakan acuan dan asas dalam mencorakkan kehidupan manusia (Hanapi, 2013).

Menyedari kedudukan tasawur Islam yang penting dalam kehidupan, aspek sekuriti makanan yang juga melibatkan manusia khususnya Muslim perlu beracukan tasawur Islam.

Berdasarkan konsep tasawur Islam dan isu perundangan berkaitan sekuriti makanan tersebut, terdapat dua hubungan yang dapat dibentuk iaitu hubungan dengan Allah SWT (*habluminallah*) dan hubungan sesama manusia dan makhluk (*habluminannas*). Melalui perbincangan di bahagian pertama ditemui isu perundangan seperti hak manusia untuk mendapatkan makanan, pengeluaran makanan, eksploitasi sumber alam dan perdagangan. Melalui elemen tasawur Islam yang dikemukakan pada bahagian sebelum ini menemukan wujudnya hubungan langsung dengan Allah SWT.

Tasawur Islam merupakan pandangan hidup Islam yang berpaksikan kepada ketauhidan kepada Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan oleh El-Muhammady (1992), Din (1981) dan Panel Akademi Pengurusan YaPEIM (2005). Dengan itu, komponen dalam tasawur Islam meliputi Allah SWT sebagai Pencipta, manusia sebagai makhluk dan alam semesta sebagai makhluk (Yaacob, 1996). Berdasarkan isu perundangan sekuriti makanan, pelaku pembangunan perlu meletakkan diri dalam kerangka ketauhidan kepada Allah SWT. Isu perundangan sekuriti makanan iaitu hak manusia untuk mendapatkan makanan melalui tasawur Islam meletakkan manusia untuk mempercayai bahawa Allah SWT yang menetapkan segala rezeki dan ajal maut setiap manusia. Perkara ini telah diungkapkan dalam surah al- 'Imran ayat 27:

Maksudnya: “Engkau memasukkan malam ke dalam siang dan Engkau memasukkan siang ke dalam malam. Dan Engkau keluarkan yang hidup daripada mati, dan Engkau keluarkan yang mati daripada yang hidup. Dan Engkau berikan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa perhitungan.” (al-‘Imran, 3:27)

Konsep rezeki ini berkait rapat dengan hak manusia untuk makanan sebagaimana yang dikeluarkan oleh FAO. Allah SWT juga telah menyebut berkenaan rezeki yang dijanjikan dan ditetapkan oleh manusia menerusi ayat 22 hingga 23 dalam surah al-Dhariyat.

Maksudnya: “Dan di langit terdapat sebab-sebab rezekimu dan apa yang telah ditakdirkan kepadamu. Maka demi Tuhan langit dan bumi, apa yang dijanjikan itu pasti terjadi seperti apa yang kamu ucapkan.” (al-Dhariyat, 51:22-23)

Hubungan manusia dengan Allah SWT dalam isu perundangan sekuriti makanan dapat diteliti berdasarkan dua peranan manusia yang hakiki. Manusia merupakan makhluk Allah SWT dalam tasawur Islam. Dua tugas manusia yang hakiki iaitu selaku khalifah dan hamba Allah SWT sebagaimana diterangkan menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-An‘am ayat 165.

Maksudnya: “Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaan-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” (al-An‘am,6:165)

Peranan manusia sebagai khalifah dan pentadbir di muka bumi memerlukan manusia membangunkan sumber yang ada untuk manfaat manusia. Menurut Rusdi (2010) manusia itu bertindak selaku pemakmur yang menjaga bumi Allah SWT dengan keimanan dan ketaqwaan. Malahan, tugas seorang khalifah di bumi ini untuk menggunakan harta yang diberikan Allah SWT iaitu sumber makanan dengan menjaga hak Allah dan batasan penggunaan. Penggunaan makanan ini berlandaskan tiga peringkat dalam kepenggunaan iaitu keperluan (daruriyat), kemudahan (hajiyat) dan kemewahan (tahsiniyat) (Zarqa, 1983). Dalam firman-Nya Allah SWT telah menyatakan:

Maksudnya: “Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan belanjakanlah (di jalan Allah) sebahagian daripada harta yang Dia telah menjadikan kamu penguasanya (amanah). Maka orang beriman di antara kamu dan menginfakkan (hartanya di jalan Allah) memperoleh pahala yang besar”. (al-Hadid, 57:7)

Seterusnya ialah hubungan manusia dengan alam sekitar. Tasawur Islam meletakkan alam semesta ialah makhluk Allah SWT. Bagi memastikan jaminan sekuriti makanan, Allah SWT memberikan nikmat sumber alam untuk dimanfaatkan oleh manusia. Perkara ini dinyatakan dalam surah al-A‘raf ayat 58, HAMKA (Abdul Karim Abdul Malik) (1983) menafsirkan manusia disuruh untuk mengatur sumber alam yang dikurniakan Allah SWT untuk membangunkan pertanian dan perindustrian.

Maksudnya: “Dan tanah yang baik, tanam-tanamannya tumbuh subur dengan izin Allah SWT; dan tanah yang tidak subur, tanam-tanamannya hanya tumbuh merana. Demikianlah Kami mengulangi tanda-tanda kebesaran (Kami) bagi orang yang bersyukur.” (al-A‘raf, 7:58)

Dalam menguruskan isu pengeluaran makanan dan perdagangan melibatkan penggunaan sumber alam. Sumber alam juga merupakan makhluk Allah SWT yang perlu dipelihara. Oleh yang demikian, dalam menjalankan perdagangan dan pengeluaran makanan mesti dalam kerangka menghormati sumber alam dan menggunakannya dengan sebaik-baiknya. Rusdi (2010), menyifatkan berlebih-lebihan dalam mengeksploitasi alam sekitar dianggap sebagai pembaziran dan dicela oleh Islam. Hal ini kerana proses menghasilkan makanan bukan sahaja melibatkan tanah tetapi juga melibatkan tenaga, air, dan sumber yang lain. Berikut ialah larangan Allah SWT untuk tidak berlebih-lebihan:

Maksudnya: “Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebon yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon kurma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun, delima yang serupa (bentuk dan warnanya) dan tidak sama (rasanya). Makanlah dari buahnya (yang bermacam-macam) bila dia berbuah, dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya (sedekahkan kepada fakir miskin dan janganlah kamu berlebih-lebih. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.” (al-An‘am, 6:141)

Hubungan yang juga penting dalam tasawur Islam ialah hubungan sesama manusia. Sesuai dengan asas tasawur Islam menyatakan manusia ialah makhluk Allah SWT, manusia berfungsi menyantuni sesama manusia. Hubungan ini dapat dibentuk melalui pengeluaran makanan dalam usaha menjamin kestabilan sekuriti makanan. Pengeluaran makanan melalui pertanian merupakan fardu kifayah atau tanggungjawab kepada masyarakat yang mesti dilaksanakan oleh sekelompok Muslim untuk memastikan kecukupan bahan makanan untuk masyarakat Muslim (Norwawi, 2006 & Aziz, 2012). Rasa tanggungjawab menyediakan kecukupan makanan kepada manusia yang lain dapat memenuhi hak makanan kepada semua. Sebagaimana yang digambarkan dalam al-Qur’an yang bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara.... “(al-Hujurat, 49:10).


Berdasarkan konsep perkongsian dan persaudaraan sesama muslim, rezeki dalam produktiviti pertanian mestilah diperuntukkan untuk manusia yang lain. Cara untuk mengagihkan hasil tanaman ini dengan bersedekah dan mengeluarkan zakat pertanian. Allah SWT telah menerangkan anjuran untuk mengeluarkan sedekah dan zakat melalui ayat-Nya sebagaimana berikut.

Maksudnya: “Dan Dialah menjadikan kebun-kebon yang tanamannya menjarar dan yang tidak menjarar, pohon kurma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun dan delima yang serupa (bentuk dan warnanya) dan tidak sama rasanya. Makanlah daripada buahnya (yang bermacam-macam itu) apabila ia berbuah dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya (dengan dikeluarkan zakatnya) dan janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.”(al-An‘am, 6: 141)

Begitu juga dalam konteks urusan perdagangan, sumber alam tidak boleh dimonopoli oleh golongan tertentu. Manfaat sumber alam ini perlu dirasai oleh semua. Melalui kaedah ini juga makanan dijadikan sebagai stok simpanan untuk digunakan pada masa kecemasan seperti semasa bencana alam. Tuntutan ini sesuai dengan firman Allah SWT:

Maksudnya: "Maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan ditangkai-tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan". (Yusuf, 12:7)

Secara keseluruhannya, analisis isu perundangan berkaitan sekuriti makanan dari perspektif tasawur Islam telah menghasilkan dua hubungan iaitu hubungan dengan Allah SWT (*habluminallah*) dan hubungan dengan manusia dan alam (*habluminannas*). Hubungan ini terhasil melalui asas tasawur Islam iaitu Allah SWT sebagai Pencipta, manusia sebagai makhluk dan alam sekitar sebagai makhluk. Ringkasan analisis dapat ditunjukkan sebagaimana Rajah 1.



Rajah 1: Analisis Isu Perundangan Sekuriti Makanan Dari Perspektif Islam

Hasil analisis isu perundangan berkaitan sekuriti makanan dari perspektif tasawur Islam menggambarkan peri penting kehidupan Muslim beracukan tasawur Islam. Selaku seorang Muslim acuan tasawur Islam wajar dihadirkan dalam segenap aktiviti kehidupan termasuklah dalam menguruskan sekuriti makanan. Hal ini jelas mempamerkan setiap isu perundangan seperti hak manusia untuk mendapatkan makanan, pengeluaran makanan, eksploitasi sumber alam dan perdagangan mempunyai tanggapan yang tersendiri dari sudut tasawur Islam. Buktinya dalam menangani isu perundangan sekuriti makanan, tasawur Islam berpaksikan kepada tiga asas utama iaitu Allah SWT sebagai Pencipta, manusia sebagai makhluk dan alam semesta sebagai makhluk. Asas-asas tasawur Islam ini menjadikan isu perundangan berkaitan sekuriti makanan diselesaikan melalui praktik hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia dengan alam sekitar dan sesama manusia.

PENUTUP

Makalah ini telah mencapai objektif untuk meneliti isu perundangan berkaitan sekuriti makanan khusus ke atas dokumen FAO dan menganalisisnya dari perspektif tasawur Islam. Terdapat empat isu perundangan sekuriti makanan berdasarkan FAO yang dijumpai iaitu hak manusia untuk mendapatkan makanan, pengeluaran makanan, eksploitasi sumber alam dan perdagangan.

Melalui analisis dari tasawur Islam telah membentuk dua hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia dan alam. Analisis ini menunjukkan isu perundangan sekuriti makanan FAO mempunyai pandangan yang berbeza dari perspektif tasawur Islam. Hal ini kerana hubungan ini terbina daripada tasawur Islam yang bertunjangkan Allah sebagai Pencipta, manusia sebagai makhluk dan alam sebagai makhluk. Pentingnya untuk melihat aspek sekuriti makanan dalam konteks tasawur Islam bagi memastikan setiap Muslim berada dalam kerangka Islam walau apa-apa sahaja aktiviti pembangunan yang dilaksanakan yang seiring dengan syariat Islam bagi mendapatkan keredaan Allah SWT.

RUJUKAN

- Abdullah, W.N.W., Rahman, M.N.A. & Hanapi, M.S. (2011). Tasawwur Islam dan survival pembangunan. dlm. Ismail, S. & Rahman, M.N.A., Islam dan survival ummah. (hlmn.1-33). Kedah: Bitara Media.
- Aigarinova, G.T. & Shulanbekova, G.K. (2013). Legal backing of food security- as a major component of the national security of the republic Kazakhstan. *Procedia-Social and Behavior*, 81, 510-513.
- Aziz, M.R.A. (2012). Agriculture in islam from the perspective of economics, banking and finance. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Brown, L.R. & Eckholm, E.P. (1985). Krisis makanan. (Ghazali, A.W., terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Din, H. (1981). Tasawwur islami. Himpunan Kertas Kerja Kursus Da`awah Islamiah Guru-guru Sekolah Menengah. Kuala Lumpur: Anjuran Pelajaran Ugama, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Eide, A. (1998). The human right to adequate food and freedom from hunger. dlm. food and agriculture organizations of The United Nations, The right to food in theory and practise (hlmn. 1-5). Rome: Food and Agriculture Organizations of the United Nations.
- El-Muhammady, A.H. (1992). Dinamika dakwah: suatu perspektif dari zaman awal islam hingga kini. Selangor: Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- Food and Agriculture Organization (FAO) Legal Office. (2008). Implementation of the right to food in national legislation. dlm. food and agriculture organizations of The United Nations, The right to food in theory and practise (hlmn 40-48). Rome: Food and Agriculture Organizations of the United Nations.
- Food and Agriculture Organization (FAO). (2003). Trade reforms and food security: conceptualizing the linkages. Rome: Food and Agriculture Organizations of the United Nations. Diakses daripada <http://www.fao.org/3/a-y4671e.pdf>

- Food and Agriculture Organization (FAO). (2006). Food security. policy brief (2). Diakses daripada <http://www.fao.org/forestry/13128-0e6f36f27e0091055bec28ebe830f46b3.pdf>
- Food and Agriculture Organization (FAO). (2011a). Right to food make it happen: progress and lessons learned through implementation. Rome: Food and Agriculture Organizations of the United Nations.
- Food and Agriculture Organization (FAO). (2011b). FAO in the 21st century: ensuring food security in a changing world. Rome: Food and Agriculture Organizations of the United Nations.
- Food and Agriculture Organization (FAO). (2011c). Global food lossess and food waste. Diakses daripada <http://www.fao.org/docrep/014/mb060e/mb060e.pdf>
- Food and Agriculture Organization (FAO). (2013). Food wastage footprint impacts on natural resources. Diakses daripada <http://www.fao.org/docrep/018/i3347e/i3347e.pdf>
- Food and Agriculture Organization (FAO). (2017a). Food wastage:key facts and figures. Diakses daripada <http://www.fao.org/news/story/en/item/196402/icode/>
- Food and Agriculture Organization (FAO). (2017b). Technical platform on the measurement and reduction of food loss and waste. <http://www.fao.org/platform-food-loss-waste/food-waste/definition/en/>
- Global Opportunity Network. (2016). The 2016 global opportunity network. Diakses daripada <http://globalopportunitynetwork.org/the-2016-global-opportunity-report.pdf>
- Hanapi, M.S. (2013). Tasawur Islam dan pembangunan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim. A.M.A. (HAMKA) (1983). Tafsir al-azhar juzu'13 dan juzu'14. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Kasturi, P. (2009). Technology and food security, *Humanomics*, 25 (2), 163-168. <http://dx.doi.org/10.1108/08288660910964210>.
- Madeley, J. (t.t.). The impact trade liberalisation on food security and poverty. Diakses daripada <http://www.paulnas.eu/GA/file/223.pdf>
- McDonald, B.L. (2010). Food security. UK & USA: Polity Press.
- Norwawi, M.E. (2006). Food security from the malaysian perspective. dlm. Salleh, S.M.S.S.M. dan Sobian, A., Food and technological progress: an Islamic perspective. Selangor: MPH Publishing.
- Orford, A. (2015). Food security, free trade and the battle for the state. *Journal of international Law and International Relations*, 11(2), 1-67.
- Panel Akademi Pengurusan YPEIM (2005). Pengurusan dalam islam: menghayati prinsip dan nilai qurani. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM.
- Pimentel, D., Huang, X., Cordova, A. & Pimentel, M. (1997). Impact of a growing population on natural resources: The challenge for environmental management. *The Interdisciplinary Journal of Study Abroad*, 13, 1-12.
- Population Reference Bureau. (2016). 2016 World population data sheet: with a special focus on human needs and sustainable resources. Diakses daripada <http://www.prb.org/pdf16/prb-wpds2016-web-2016.pdf>
- Royte, E. (2016). How 'ugly' fruits and vegetables can help solve world hunger. Diakses daripada <http://www.nationalgeographic.com/magazine/2016/03/global-food-waste->

statistics/

- Rusdi, M. (2010). *Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar menurut perspektif al-Qur'an*. Johor: Penerbit UTHM.
- Sagener, N. (2016). Dependence on food imports threatens developing countries, report finds. Diakses daripada <https://www.euractiv.com/section/agriculture-food/news/dependence-on-food-imports-threatens-developing-countries-report-finds>
- United Nations (UN) (2016). Sustainable development goal 2: end hunger, achieve food security and improved nutrition and promote sustainable agriculture. Diakses daripada <https://sustainabledevelopment.un.org/sdg2>
- Wang, et.al. (2016). Taking account governance: implications for land-use dynamics, food prices and trade patterns. *Ecological Economics*, 122, 12-24.
- Yaacob, A.M. (1996). *Islam Suatu Cara Hidup*. dlm Siti Fatimah Abdul Rahman (Ed.), *Membangun Fitrah Kehidupan* (hlm.71-74). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Zarqa, A. (1983). *Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.